

**JADWAL ACARA (TENTATIF)  
SIMPOSIUM KEBUDAYAAN MALAYSIA-INDONESIA  
SENIN, 4 FEBRUARI 2008**

08.00 - 08.30	Pendaftaran Peserta Simposium
08.30 - 08.40	Pengantar acara oleh Master of Ceremony
08.40 - 09.10	1. Tarian Penyambutan dari Unud 2. Tarian dari USM Malaysia
09.10 - 09.40	Kata Sambutan: 1. Sambutan dari Ketua Panitia 2. Sambutan dari Penggawa Desasiswa Restu, Universiti Sains Malaysia 3. Sambutan Rektor Universitas Udayana, sekaligus Membuka Acara Simposium
09.40 - 10.00	Rehat (coffee break)
10.00 - 11.30	<b>Sesi Pertama Simposium (Moderator dari Unud)</b> <b>Panel I:</b> Pemakalah USM Dr Nik Haslinda Nik Hussain Tajuk: Sejarah Universiti Sains Malaysia <b>Panel II:</b> Pemakalah UNUD Nama: Prof.Dr. I Gde Parimatha, MA Tajuk: Bidang Kebudayaan <b>Panel III:</b> Pemakalah USM Dr Rahimah Haji A.Hamid Tajuk: Melihat Budaya Bali dan Budaya Melayu Melalui Novel <i>Sukreni Gadis Bali</i> karya A.A. Panji Trisna dan <i>Kugapai Cintamu Suriati Karya Azizi Haji Abdullah: Satu Perbandingan.</i> <b>Panel IV:</b> Pemakalah USM Bapak Shahrizal Nazri Tajuk: Pelaksanaan Kemahiran Insaniah: Kajian Kes di USM. <b>Panel: V</b> Pemakalah UNUD Nama : Prof.Dr. I Gde Semadi Astra Tajuk: Bidang Kebudayaan

11.30 - 12.30	<p><b>Sesi Kedua Simposium (Moderator dari USM)</b>  <b>Panel VI</b>  Pemakalah USM  Dr Nazarudin Zainun  Tajuk : Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1935:  Kesan Kepada Malaysia dan Indonesia.  <b>Panel VII</b>  Pemakalah UNUD  Nama: Prof.Dr.I Nyoman Erawan, SE  Tajuk: Bidang Ekonomi  <b>Panel VIII</b>  Pemakalah USM  Dr Azmi Arifin  Tajuk: Malaysia dan Indonesia dalam Arus Kesedaran  dan Perkembangan Nasionalisme  <b>Panel IX</b>  Pemakalah USM  Bapak Azmi Hassan  Tajuk: Pembinaan Pelajar Terbilang Melalui Amalan  Psikologi: Pengalaman USM</p>
12.30 - 13.30	Rehat (Makan Siang)
13.30 - 14.30	Kesenian: 1. Tarian Belibis (Bali) 2. Tarian dari USM, Malaysia
14.30-15.30	<p><b>Sesi Ketiga Simposium (Moderator dari UNUD)</b>  <b>Panel X</b>  Pemakalah UNUD  Nama: Prof.I Ketut Mertha, SH, MH  Tajuk: Bidang Hukum  <b>Panel XI</b>  Pemakalah USM  Ibu Rosnah Idrus (USM)  Tajuk: Techopeneurship: USM Experience  <b>Panel XII</b>  Pemakalah UMK  Cik Nawwal Abdul Kadir (UMK)  Tajuk: Perbandingan Batik Malaysia dengan Batik Bali  <b>Panel XIII</b>  Pemakalah USM  Nama : Dr. Jasni Sulong  Tajuk: Pindah Milik Harta Keluarga Ke Arah  Pengukuhan Kekayaan Generasi di Malaysia.</p>
15.30-15.40	Penutupan Acara oleh Rektor Unud/ yang mewakili
15.40-15.50	Penyerahan kenang-Kenangkan (Cinderamata) Dari USM untuk Unud dan dari Unud untuk USM
15.50-16.30	Penyerahan Sertifikat kepada Peserta

# **Perancangan Pindahmilik Harta Keluarga Ke Arah Pengukuhan Kekayaan Generasi di Malaysia**

**Dr. Jasni bin Sulong**  
Bahagian Pengajian Islam  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

## *Abstract*

*The management in the distribution of property nowadays is very much important especially to ensure it to be given to the right party peacefully. "The right party" is including our heirs or dependant. Thus it serves as a warranty for their future security, maintain the sustainability of life and enhance their socio-needs which contribute to the paradigm-shift of ummah. Therefore, every parent should aware about their family future plan especially for the benefit of their descendants by having a good management in the property distributions. In Islam, the law of inheritance is not the only way to hand on the assets but there is a few other solutions in order to distribute the property in a very well-plan such as gift of love, wills and selling it under market-value. All in all, by having many ways in distributing the property, the descendants are secured without having trouble in dividing the property among them and ensure certain heirs and assets are treated in a well-manner.*

## **1.0 Pendahuluan**

Perancangan pindahmilik harta dan pengukuhan harta generasi merupakan isu yang sangat penting pada hari ini. Ia bukanlah untuk menunjukkan Islam mengutamakan kebendaan tetapi lebih kepada jaminan kesinambungan hidup sosial pada sesuatu masa. Justeru dalam perbincangan ini, tumpuan akan diberikan kepada gesaan supaya masyarakat Islam melakukan perancangan dalam pindahmilik harta demi kebaikan anggota sesebuah keluarga. Skop ini tidak lari daripada maksud firman Allah SWT dalam ayat 6 Surah al-Tahrim yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, jagalah diri kamu dan ahli keluarga kamu daripada api neraka!”

Menjaga keluarga daripada api neraka adalah membawa pengertian yang luas hingga termasuk juga menjaga daripada segala perkara yang mendorong ke arah itu. Kitab Tafsir al-Jalalayn membincangkan aspek penjagaan ini daripada sudut ketaatan kepada Allah SWT iaitu supaya manusia tidak alpa yang boleh menyebabkan mereka derhaka kepada Allah dengan melakukan kemaksiatan, pencabulan moral dan sebagainya. Oleh itu, antara perkara yang perlu dielakkan dalam keluarga ialah kemiskinan dan pergaduhan sesama ahli keluarga hingga membawa kepada perpecahan keluarga, sifat derhaka pada ibu bapa dan sebagainya. Pada hari ini, tidak hairan bahawa pergaduhan dan pertelingkahan dalam keluarga sering berlaku sehingga menjejaskan ikatan silaturrahim apabila melibatkan isu harta. Justeru, masyarakat memerlukan dakwah kekeluargaan khususnya dalam aspek pengurusan pindahmilik harta bagi memastikan kebajikan ahli waris dapat dipastikan sepenuhnya di samping mewujudkan ketenteraman dalam keluarga. Kesan positif yang bakal dicapai dalam pengurusan keluarga ini menjadi agenda penting dakwah dalam masyarakat Islam supaya kehidupan umat Islam sentiasa dalam keadaan sejahtera, harmoni dan terus.

## **2.0 Dakwah dalam Pengurusan Harta**

Perluasan maksud dakwah menuntut apresiasinya dalam mekanisme yang lebih besar seperti dalam bidang pengurusan harta. Ini kerana harta menjadi aset kehidupan yang terpenting pada hari ini dan menjadi punca kekuatan dan kemunduran sesebuah masyarakat atau keluarga. Perlu diketahui, perbincangan mengenai harta tidak sepenting perbincangan mengenai pengurusan harta. Mungkin harta mudah diperolehi tetapi untuk

menguruskan harta yang dimiliki dengan penuh bijaksana. Konsep pengurusan harta seperti inilah yang akan menjadi titik tolak kepada aspek dakwah yang perlu diterapkan ke dalam amalan anggota masyarakat pada hari ini.

### **3.0 Pengurusan Harta dan Pengelakan Pusaka**

Harta yang berada dalam pemilikan seseorang iaitu ketika pemilik harta masih hidup dan sihat, maka harta tersebut adalah menjadi haknya yang eksklusif. Pemilik berkuasa untuk mengguna, membelanja dan menguruskan harta-harta milikan ini dengan bebas selagi tidak diharamkan syarak. Tiada siapa yang boleh mencuri, merampas atau merosakkan harta tersebut melainkan akan dikenakan tindakan undang-undang dan membayar pampasan yang tertentu. Dalam hal ini, seorang pemilik harta berhak untuk menjual, mencagar, memberi secara percuma atau mewasiat kepada orang lain harta yang dimiliki. Justeru pada asalnya, seorang pemilik tidak berdosa apabila membelanjakan keseluruhan harta semasa hidup dan meninggal dunia tanpa harta. Selama mana perbelanjaan tersebut diharuskan oleh syarak, tiada kesan yang tidak baik kepada para waris dan mempunyai niat yang baik (*mala fide*). Dalam sejarah Islam sendiri dicatatkan, para Sahabat besar dan hartawan telah meninggal dunia dengan harta yang sedikit. Misalnya Saidina Abu Bakar yang telah mewasiatkan sebahagian besar daripada kebunnya kepada baitulmal. Tindakan ini bukanlah satu pengelakan daripada membahagikan harta mengikut hukum pusaka tetapi menggunakan keharusan menguruskan harta mengikut jalan yang telah diharuskan syarak.

Dalam hal ini, garis pemisah di antara kebebasan pengurusan harta dan peninggalan harta pusaka amat penting untuk difahami. Pada asasnya, konsep sesuatu harta sebagai “harta pusaka” adalah merujuk kepada harta yang ditinggalkan selepas kematian. Berdasarkan riwayat daripada Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w ada bersabda sebagaimana berikut:<sup>2</sup>

يَقُولُ الْعَبْدُ مَالِي مَالِي إِنَّمَا لَهُ مِنْ مَالِهِ ثَلَاثٌ مَا أَكَلَ فَأَقْتَنِي أَوْ لَبَسَ فَأَبْلَى أَوْ  
أَعْطَى فَأَقْتَنِي وَمَا سِوَى ذَلِكَ فَهُوَ ذَاهِبٌ وَتَارِكُهُ لِلنَّاسِ

Maksudnya: “Berkata seorang individu: Hartaku adalah harta milikku. Tiadalah baginya daripada hartanya melainkan harta yang dia (ada bahagian) makan dan habiskan, atau harta yang dia pakai lalu jadi lusuh dan harta yang dia sedekahkan lalu dipermiliki (orang lain), dan selain daripada itu adalah harta yang pergi dan ditinggalkan untuk waris (pusaka).”

Hadith ini menunjukkan bahawa harta pusaka ialah harta yang telah ditinggalkan selepas kematian pemilik dan dibahagikan kepada para waris yang masih hidup mengikut hukum faraid. Kewajiban ini terlaksana secara langsung (*daruri*) di mana ia tidak memerlukan akad penerimaan atau *qabul*. Justeru, harta pusaka akan berpindahmilik kepada waris selepas kematian pemilik harta secara automatik.<sup>3</sup> Hukum pembahagian harta bagi harta yang menjadi harta pusaka ini adalah wajib sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 7, 11, 12 dan 176 surah al-Nisā’:

فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: “(Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing ialah) ketetapan daripada Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

<sup>2</sup> *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 17, h. 295 (no. 7348); *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, j. 1, h. 610 (no. 485); *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, j. 5, h. 447 (no. 3345); *Sunan al-Nasū’ī*, j. 6, h. 198

<sup>3</sup> I. Mahmud (1958), *Muslim Law of Succession*, Karachi: Pakistan Law House, h. 57

Kewajipan ini termaktub sebagai satu bentuk ketetapan (syari'at) oleh Allah (حدود الله).<sup>4</sup> Oleh kerana itu, Allah SWT menjanjikan ganjaran syurga kepada mereka yang mematuhi ketetapan pembahagian pusaka ini dan balasan neraka kepada yang engkar.<sup>5</sup> Berasaskan ketetapan ini, seseorang waris boleh menuntut hak pusaka mereka (hak *ijbari*) sekiranya hak ini dirampas atau dihalang.<sup>6</sup> Malah, seseorang pemilik harta tidak berhak untuk menyekat para waris daripada mewarisi pusaka peninggalannya kerana harta ini hanay sabit selepas kematian. Wasiat supaya waris tertentu tidak boleh mewarisi juga akan batal kerana bercanggah dengan hukum faraid melainkan waris tersebut melakukan perkara-perkara yang menyebabkan pewarisan mereka tersekat (*hijab*) bawah hukum Syarak.<sup>7</sup> Jelasnya, hak pembahagian secara faraid merupakan satu kewajipan yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa cuma ia hanya sabit selepas kematian pemilik harta.

Justeru, harta seseorang pemilik semasa masih hidup adalah merupakan hakmiliknya yang eksklusif (*milik al-tam*). Ia belum lagi menjadi 'harta pusaka' dan pemilik bebas membelanjakan harta tersebut sehingga habis selagi tidak bercanggah dengan hukum Syarak. Konsep ini menjadikan sebarang transaksi atau pengurusan harta yang dilakukan pada ketika ini adalah harus. Oleh itu, tindakan seseorang pemilik harta dalam merancang dan membelanjakan hartanya dengan mencagar, melabur, menjual dan sebagainya adalah tidak bercanggah dengan hukum faraid dan syariah. Perbelanjaan yang dilakukan untuk kebaikan diri sendiri ataupun orang lain adalah sesuatu yang dibenarkan. Apatah lagi

---

<sup>4</sup> Surah al-Nisā' (Q4), ayat 13

<sup>5</sup> Surah al-Nisā' (Q4), ayat 13 dan 14

<sup>6</sup> Alarmic Rumsey (1994), *op.cit*, h. 10; H. Idris Djakfar, Taufik Yahya (1995), *Kompilasi Hukum Kewarisan Islam*, Jakarta: PT Pustaka Jaya, h. 29

<sup>7</sup> Alarmic Rumsey (1994), *Mohammadan Law of Inheritance*, Lahore-Pakistan: Sang-e-meel Publications, h. 11

merancang untuk melakukan pindahmilik harta secara bijak dan saksama kepada para waris adalah merupakan sesuatu yang paling baik demi keharmonian silaturrahim ahli keluarga selepas kematian.

#### **4.0 Pengurusan Pindahmilik Harta – Pengalaman Malaysia**

Banyak kaedah yang boleh dilaksanakan dalam mengatur pindahmilik harta kepada waris semasa hidup pewaris seperti melakukan pemberian (*hibah*), wasiat kepada waris, penjualan hartanah dengan harga yang murah kepada waris yang miskin dan melakukan permuafakatan sesama waris pusaka dalam mengagihkan bahagian yang istimewa kepada waris tertentu.<sup>8</sup> Keempat-empat kaedah ini adalah antara alternatif terbaik yang berada dalam bidangkuasa eksklusif seseorang pemilik harta untuk merancang pindahmilik hartanya secara yang terbaik khususnya dalam menjamin hak waris tertentu yang sangat memerlukan.

Undang-undang Pentadbiran Islam di Malaysia memberikan bidangkuasa umum kepada setiap negeri untuk melaksanakan kaedah-kaedah pindahmilik ini daripada sudut mengesahkan atau tidak transaksi tersebut mengikut hukum syarak, dengan syarat melibatkan pihak-pihak yang beragama Islam sahaja.<sup>9</sup> Perbincangan mengenai kaedah

---

<sup>8</sup> Timur Kuran (2002), "The Islamic Commercial Crisis: Institutional Roots of Economic Underdevelopment in the Middle East", *Center for Law, Economics and Organization Research Paper Series*, No. C01-12, 15<sup>th</sup> Sept. 2002, Los Angeles: University of Southern California Law School, h. 25; Lucy Carol (2001), "Life Interest and Inter-Generational Transfer of Property Avoiding the Law of Succession", *Islamic Law and Society*, v. 8 2001, Leiden: Brill, h. 245-264

<sup>9</sup> Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abd. Rahman, "Kedudukan dan reality Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam Soal Pengurusan Aset dan Pentadbiran Harta Pusaka Muslim: Satu Unjuran Ke Hadapan", dalam *Kolokium Pengurusan Aset dan Penyelesaian Harta Pusaka Muslim Mengikut Perundangan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2004*, di Hotel Marriott, Putrajaya, 24-25 Mei 2004, h. 2



perancangan harta untuk dilaksanakan dan kedudukannya di sisi hukum syarak adalah sebagaimana berikut:

#### 4.1 Kaedah Hibah

Melakukan *hibah* atau pemberian semasa hidup dalam merancang pindahmilik harta adalah sesuatu yang sangat baik kerana *hibah* boleh diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada kepada waris atau bukan waris.<sup>10</sup> Jika pemberian kepada bukan waris adalah baik, maka pemberian kepada waris seperti anak kandung adalah lagi baik. Menurut jumhur ulama, keharusan pemberian ini adalah berdasarkan perbandingan bahawa sekiranya *hibah* diharuskan kepada orang luar sehingga dengan keseluruhan harta maka pemberian kepada anak-anak adalah lebih utama (*awla*).<sup>11</sup> Rasulullah s.a.w sendiri ada bersabda yang berbunyi:<sup>12</sup>

أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ عَلَى ذِي الرَّحْمِ الْكَاشِحِ

Maksudnya: Sedekah yang terbaik adalah ke atas mereka yang mempunyai hubungan keluarga yang rapat.

Pemberian kepada anak-anak penting bagi memastikan anak-anak mendapat jaminan harta yang tertentu khususnya kepada anak-anak yang kurang berjaya atau bermasalah seperti miskin, cacat, anak angkat atau cucu *dhu arham* yang terdinding daripada mendapat pusaka. Pemberian juga boleh diberikan kepada isteri atau isteri tertentu

---

<sup>10</sup> *al-Mabsūt*, j. 12, h. 58; ‘Abd al-Rahmān Balangkhīr (1997), *al-Hibah fī al-Madhab wa al-Qānūn*, T.T.P.: Maṭba‘ah al-Nuḥah al-Jadīdah, h. 14, 16, 127; Asaf A. A. Fyze (1955), *op.cit*, h. 186; Ahmad Hidayat Buang (2002), “Kedudukan Farā’id Mengikut Islam dan Perbandingannya dengan Wasiat dan Hibah”, kertas kerja dalam *Seminar Hukum Hibah* anjuran Bank Bumiputra Commerce di Menara Kuala Lumpur pada tahun 2002, h. 11-12

<sup>11</sup> *al-Mabsūt*, j. 12, h. 58, 63

<sup>12</sup> Riwayat *maqṭū’*. Lihat *Sunan al-Dārimī*, j. 1, h. 426; *al-Mabsūt*, j. 12, h. 49, 58

sebagai memenuhi hak mereka bawah harta sepencarian yang mungkin terlepas pandang semasa pembahagian faraid.

Dalam melaksanakan *hibah* kepada anak-anak, tindakan mengutamakan (*al-tafdil*) seorang anak berbanding dengan anak yang lain adalah pada asalnya harus.<sup>13</sup> Ibn Rusyd memberi contoh tindakan Saidina Abu Bakar yang telah mengutamakan Saidatina ‘Ā’isyah berbanding anak-anaknya yang lain.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, jumhur ulama berpandangan hukum pengutamaan ini adalah makruh sekiranya dilakukan tanpa alasan yang munasabah.<sup>15</sup> Jumhur berhujah dengan kisah Rasulullah s.a.w yang telah menegur Basyir apabila mengutamakan anaknya yang bernama al-Nukman kerana boleh menimbulkan rasa tidak senang hati dalam kalangan anak-anak yang lain.<sup>16</sup> Berdasarkan dua pandangan ini, pemberian secara sama rata dalam kalangan anak-anak adalah sunat tetapi sekiranya ada alasan yang kuat maka diharuskan mengutamakan salah seorang anak.<sup>17</sup> Ini sesuai dengan pandangan Abu Yusuf yang menyatakan bahawa *al-tafdil* dibenarkan sekiranya tidak menimbulkan kemudaratan. Hukum ini selaras dengan

---

<sup>13</sup> *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, j. 2, h. 323; Muḥammad al-Ḥusaynī al-Syīrāzī (1988), *al-Fiqh Mawsū‘ah Istidlāliyyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Lubnān: Dār al-‘Ulūm, h. 236

<sup>14</sup> *al-Mabsūṭ*, j. 12, h. 49, 59; *al-Mughnī*, j. 8, h. 256; ‘Abd al-Rahmān Balangkhūr (1997), *op.cit*, h. 83, 128, 130; Wahbah al-Zuhaylī (1996), *Fiqh dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15

<sup>15</sup> ‘Alawī ‘Abbās al-Malikī *et al.* (1964), *op.cit*, h. 51-52; *al-Mughnī*, j. 8, h. 256-257; *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, j. 2, h. 323; *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3, h. 1244; *Sunan Abū Dāwud*, j. 2, h. 262; *Sunan Ibn Mājah*, j. 2, h. 795; *al-Muwaffā’*, j. 2, h. 751-752; *Musnad Imām Aḥmad*, j. 4, h. 269-270

<sup>16</sup> ‘Alawī ‘Abbās al-Malikī *et al.* (1964), *op.cit*, h. 51-52; *al-Mughnī*, j. 8, h. 256-257, 260; *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3, h. 1244; *Sunan Abū Dāwud*, j. 2, h. 262; *Sunan Ibn Mājah*, j. 2, h. 795; *al-Muwaffā’*, j. 2, h. 751-752; *Musnad Imām Aḥmad*, j. 4, h. 269-270

<sup>17</sup> *Bidāyat al-Mujtahid*, j. 2, h. 323; *al-Mughnī*, j. 8, h. 256-258; ‘Abd al-Rahmān Balangkhūr (1997), *op.cit*, h. 128-129, 132-133, 139; Bimala Charan Law (1926), *op.cit*, h. 120

maksud “غير مضر” (tiada kemudaratan) dalam ayat 11, 12 dan 176 surah al-Nisā’ (ayat pusaka) seperti anak yang cacat, pembiayaan pengajian atau pembayaran hutang.<sup>18</sup>

Keharusan *al-tafdil* ini adalah selaras dengan konsep kebebasan tasarruf seseorang pemilik harta. Logikinya, jika *al-tafdil* kepada salah seorang anak dianggap tidak sah kerana menyekat atau mengurangkan harta pusaka maka pemberian *hibah* kepada orang luar tentulah sedemikian juga. Justeru, keharusan *hibah* dan *tafdil* ini dalam keadaan tertentu adalah harus dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Tindakan *hibah* hanya disekat sekiranya pemilik harta tersebut berhutang dengan seseorang atau mempunyai tanggungan tertentu yang menuntut tanggungjawab daripada pemilik harta seperti nafkah anak. Sebagai contoh Imam Malik telah mengecualikan *hibah* oleh sipiutang kerana tindakan *hibah* yang dilakukan boleh memudaratkan hak pemiutang ke atas hartanya.

Imam Abu Ḥanifah menambah bahawa para hakim boleh menyekat *hibah* yang dilakukan oleh sipiutang itu daripada terlaksana kerana di samping ia boleh menjejaskan hak orang lain, ia juga merupakan satu bentuk penipuan (*in fraud of creditors*).<sup>19</sup> Sekatan syarak ini adalah bertujuan untuk menjaga hak orang lain ke atas harta tersebut daripada diselewengkan. Begitulah juga dalam kes *hibah* yang dibuat kepada bukan waris di mana hakim boleh membatalkan *hibah* tersebut sekiranya belum berlaku penyerahan harta (*qabad*) sedangkan penghibah telah meninggal dunia kerana ini menunjukkan

---

<sup>18</sup> *al-Mabsūṭ*, j. 12, h. 67; *al-Mughnī*, j. 8, h. 260, 278; ‘Alawī ‘Abbās al-Malikī *et al.* (1964), *op.cit.*, h. 53; al-Syaykh al-Mar‘ī bin Yūsuf al-Hanbalī (t.t.), *op.cit.*, h. 335

<sup>19</sup> Bagaimanapun, *hibah* yang dilakukan semasa tiada hutang adalah sah. Lihat Ameer Ali (1912), *op.cit.*, h. 51, dan nota kaki no. (1); Bimala Charan Law (1926), *op.cit.*, h. 112

ketidaksungguhan pemilik harta atau niat yang tidak baik.<sup>20</sup> Pembatalan ini adalah bagi memastikan waris pusaka dilindungi daripada penyelewengan harta pusaka. Di Malaysia, bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk membicarakan harta *hibah* terdapat secara umum dalam Enakmen Pentadbiran dan mendorong rujukan langsung kepada fiqh klasik.<sup>21</sup>

#### **4.2 Wasiat kepada waris**

Perancangan harta juga boleh dilakukan secara wasiat kerana wasiat dilakukan semasa pemilik harta masih hidup cuma berkuatkuasa selepas kematian. Dalam kata lain, wasiat ialah penyerahan harta secara sukarela daripada pemilik harta kepada pihak lain yang berlaku setelah pemilik tersebut meninggal dunia. Harta yang diserahkan ini boleh berlaku sama ada berbentuk benda (*'ayn*) ataupun bukan benda seperti manfaat.<sup>22</sup> Kelebihan wasiat yang dilakukan oleh seseorang pemilik harta ialah wasiat dapat mengelak sifat rigid pembahagian harta pusaka kerana pewasiat bebas untuk melupuskan hartanya kepada sesiapa sahaja dengan syarat mereka bukan penerima pusaka, tidak melebihi satu pertiga harta<sup>23</sup> dan berkuatkuasa selepas kematian.<sup>24</sup>

Justeru, wasiat boleh diberikan kepada waris-waris terdekat yang terhalang daripada pusaka seperti *dhu arham*, mereka yang berlainan agama dan juga anak angkat.<sup>25</sup> Secara

---

<sup>20</sup> Ameer Ali (1912), *op.cit*, h. 56

<sup>21</sup> Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abd. Rahman, *op.cit*, h. 6

<sup>22</sup> *Mughnī al-Muhtāj*, j. 3, h. 39; *Ensiklopedia Hukum Islam (1996)*, j. 6, h. 1926

<sup>23</sup> *Rani Khujoor-unnissa v. Mussamut Roushan Jehan (1876)* 3 I. A. 291

<sup>24</sup> Hamid Khan (1980), *op.cit*, h. 6; A. A. Asaf Fyzee (1955), *op.cit*, h. 304; Ameer Ali (1912), *Muhammadan Law*, Calcutta: Thacker, Spink and Co., v. 1, h. 570; Yitzhak Reiter (1995), *op.cit*, h. 174

<sup>25</sup> John R. Brown (1998), "You May Not Give It Away: How Social Norms Shape Islamic Law in Contemporary Indonesian Jurisprudence", *Islamic Law and Society*, No. 5 1998, Leiden: Brill, h. 386; Yitzhak Reiter (1995), *op.cit*, h. 180

tidak langsung, wasiat dapat menampung sistem faraid kerana masing-masing hukum tersebut mempunyai fungsi dan kepentingan yang tersendiri. Maka tidak hairanlah seruan berwasiat sangat dituntut berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w berikut:<sup>26</sup>

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ بَيْتٌ لَيْلَتَيْنِ إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w ada bersabda seseorang yang menanggung hak orang lain ke atasnya tidak akan dia tidur nyenyak selama dua malaam melainkan dia wajib menulis wasiat di sisinya.

Namun, ia tidak boleh dilakukan sehingga menjejaskan hak pusaka waris. Sabda Rasulullah s.a.w. ada berbunyi:<sup>27</sup>

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْصِي بِمَالِي كُلِّهِ قَالَ لَا قُلْتُ فَالْشَّطْرُ قَالَ لَا قُلْتُ الثُّلُثُ قَالَ فَالثُّلُثُ وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّضُونَ النَّاسَ

Maksudnya: Aku (Sa'd bin Abi Waqas) bertanya, "Wahai Rasulullah s.a.w aku ingin berwasiat dengan keseluruhan hartaku, Baginda menjawab, tidak boleh! Aku bertanya lagi, kalau separuh? Baginda menjawab lagi, tidak boleh! Aku bertanya lagi, kalau satu pertiga? Baginda menjawab, ya satu pertiga dan satu pertiga itu banyak, sesungguhnya jika kamu meninggalkan saudara kamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada meninggalkan mereka meminta-minta dengan manusia.

Dalam persoalan wasiat mengurangkan jumlah harta pusaka, maka perlu diingat bahawa wasiat tidak mengambil hak pusaka para waris kerana sebagaimana dibincangkan sebelum ini hak pusaka belum wujud melainkan setelah berlaku kematian. Justeru, semua harta yang dimiliki semasa pemilik masih hidup adalah harta yang menjadi hak eksklusif pewaris. Tambahan pula, nas syarak dengan jelas menunjukkan bahawa harta pusaka hanya wujud setelah wasiat diselesaikan berdasarkan firman Allah SWT yang berbunyi "من بعد وصية يوصى بها أو دين" yang bermaksud "(pembahagian pusaka itu) selepas

<sup>26</sup> *Sahih Bukhari*, Kitab Wasaya, No Hadith 2533

<sup>27</sup> *Sahih Bukhari*, Kitab Wasaya, No Hadith 2537

diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan selepas dibayarkan hutangnya”<sup>28</sup>.

Sebagaimana dinyatakan di atas, had wasiat ialah setakat satu pertiga harta. Bagaimanapun, had ini boleh diperluas sehingga melebihi daripada kadar satu pertiga atau dengan keseluruhan harta apabila mendapat keizinan daripada semua para waris. Justeru, pemilik harta yang ingin mewasiat dengan kuantiti atau nilai yang lebih banyak perlu mendapatkan kebenaran para waris terdekat. Mengambil pandangan Mazhab Syī‘ah Ithnā ‘Asyāriyyah, kebenaran ini boleh berlaku sama ada sebelum atau selepas kematian pewaris. Bagaimanapun jumhur *fuqaha* daripada Mazhab Ahli Sunnah menghadkan kebenaran ini hanya selepas kematian pewaris dan keizinan yang diberikan sebelum kematian pemilik harta tidak akan dikira.<sup>29</sup> Ini bagi mengelak unsur dominasi pemilik harta ke atas para waris dan juga berasaskan pensabitan hak para waris ke atas harta pusaka yang hanya wujud selepas kematian pemilik harta. Justeru, akan timbul sedikit masalah dalam kebenaran wasiat oleh para waris kerana waris-waris boleh menyatakan tidak bersetuju setelah kematian pewasiat.

Bagaimanapun, pandangan jumhur ini akan menjadikan persetujuan para waris selepas kematian pewasiat sebagai menunjukkan kerelaan hati mereka sepenuhnya. Sebarang usaha pewaris untuk melakukan perjanjian dengan para waris supaya bersetuju terhadap wasiat yang melebihi daripada kadar satu pertiga adalah tidak sah kerana boleh

---

<sup>28</sup> Surah al-Nisā’ (Q4), ayat 11, 12, 176

<sup>29</sup> A. A. Asaf Fyzee (1955), *op.cit*, h. 307; Ameer Ali (1912), *op.cit*, h. 589, 592; ; *Ensiklopedia Hukum Islam*, j. 6, h. 1929

menyebabkan berlaku pengaruh yang tidak wajar (*undue influence*). Menurut Mazhab Hanafi, sekiranya pewaris tidak mempunyai sebarang waris maka wasiat boleh dilakukan dengan keseluruhan harta. Ini kerana tiada pihak yang akan teraniaya daripada wasiat tersebut. Namun ulama Mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali tetap menghadkan kepada satu pertiga harta sahaja dengan menyerahkan bahagian dua pertiga lagi sebagai hak baitulmal demi kepentingan umat Islam keseluruhan.<sup>30</sup> Di Malaysia hingga kini, hanya tiga negeri sahaja yang memperuntukkan undang-undang berhubung wasiat kepada waris iaitu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan.

#### **4.3 Penjualan Harga Istimewa**

Kebebasan pemilik menguruskan harta milikan melayakkannya menentukan bagaimana sesuatu hartanya dikembang, dipindah ataupun dilupuskan. Selagi transaksi yang dilakukan memberi manfaat sama ada kepada pemilik atau orang lain, ataupun selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak maka perbuatan tersebut adalah diharuskan. Dalam hal ini, seseorang pemilik harta boleh melupuskan hartanya dengan nilai tertentu yang lebih rendah daripada biasa (*under market value*) kepada waris tertentu bagi tujuan kemaslahatan waris tersebut. Mungkin pemberian secara *hibah* tidak boleh dilaksanakan bagi mengelak prasangka waris yang lain atau fitnah tertentu, maka seseorang pemilik harta boleh menjualnya dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran seperti memberikan diskaun yang tertentu supaya waris yang tidak berkemampuan dapat dibantu. Keadaan ini boleh dilakukan kepada waris yang dijangka

---

<sup>30</sup> *al-Asybah wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa Furū' al-Syāfi'iyyah*, h. 809; *Ensiklopedia Hukum Islam*, j. 6, h. 1929

akan terdinding daripada menerima pusaka dan nilai harta tersebut melebihi daripada had keharusan wasiat.

Rasulullah s.a.w sangat menggalakkan suatu proses jual beli dilakukan dengan terbaik. Jualan dengan harga yang murah bukan sahaja dapat menolong orang lain, malah memudah dan menyenangkan pembeli tersebut. Keadaan ini boleh kita masukkan di bawah maksud sabda Baginda s.a.w berikut:<sup>31</sup>

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا  
إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا اقْتَضَى

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda bahawa Allah SWT merahmati seseorang lelaki yang memudahkan sesuatu urusan ketika menjual, membeli dan ketika membuat keputusan.

Imam Bukhari mengulas bahawa maksud “samhan” di atas ialah memudahkan dan berlaku baik. Justeru, termasuk dalam jual beli sebegini selain daripada mempercepatkan proses jual beli ialah dengan menurunkan harga jualan mengikut kemampuan pembeli. Sifat menghargai keadaan pembeli yang miskin dan susah dengan harga yang berpatutan atau disedekahkan sahaja adalah perbuatan yang sangat digalakkan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana sabda berikut:<sup>32</sup>

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا أَوْ وَضَعَ لَهُ أَظْلَهُ اللَّهُ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ

Maksudnya: Sabda Rasulullah s.a.w bahawa sesiapa yang melihat orang yang susah atau tidak mampu (dan meringankan mereka sama ada dengan menanggung hutang, melupus sebahagiannya atau melupus keseluruhan hutang tersebut), maka akan dilindungi Allah SWT di bawah lindungan-Nya pada hari Kiamat di bawah ‘Arasy iaitu pada hari tiada perlindungan selain perlindungan-Nya.

<sup>31</sup> *Sahih Bukhari*, Bab al-Buyu’, Hadith No. 1934

<sup>32</sup> *Sunan Tirmidzi*, Bab al-Buyu’, hadith No. 1227



Dalam Hadith yang lain, Imam al-Tirmizi meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda sebagaimana berikut:<sup>33</sup>

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُوسِبَ رَجُلٌ مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ فَلَمْ يُوْجَدْ لَهُ  
مِنْ الْخَيْرِ شَيْءٌ إِلَّا أَنَّهُ كَانَ رَجُلًا مُوسِرًا وَكَانَ يُخَالِطُ النَّاسَ وَكَانَ يَأْمُرُ غِلْمَانَهُ  
أَنْ يَتَجَاوَزُوا عَنِ الْمُعْسِرِ فَقَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ نَحْنُ أَحَقُّ بِذَلِكَ مِنْهُ تَجَاوَزُوا عَنْهُ

Maksudnya: Sabda Rasulullah s.a.w bahawa telah dihisab seorang lelaki daripada umat sebelum kamu, (dia) tidak memiliki satu kebaikan pun melainkan dia seorang lelaki yang kaya dan selalu bergaul dengan masyarakat dengan baik dan memerintah anak-anak dan orang suruhannya supaya berlaku baik dengan orang yang susah. Maka Allah SWT berfirman bahawa Kami lebih layak untuk berlaku baik dengannya dan memudahkannya.

Berdasarkan tiga hadith di atas, maka jelaslah bahawa mempermudah jual beli khususnya kepada mereka yang miskin dan tidak berkemampuan adalah sesuatu yang sangat digalakkan Islam. Perkara ini tentunya lebih dituntut dalam kes waris atau anggota keluarga yang sangat memerlukan. Khidmat dan kelonggaran nilai harga yang dikhususkan untuk mereka dapat membantu kehidupan mereka pada masa hadapan dan memberi kebaikan kepada institusi keluarga itu sendiri.

#### **4.4 Permuafakatan Kalangan Waris**

Dalam faraid, bahagian setiap waris telah ditentukan dengan tepat dan terperinci oleh hukum syarak sebagai menjamin kebajikan waris secara umum khususnya bagi mengelak penyelewengan sesetengah waris yang tertentu. Bagaimanapun, penentuan syarak tersebut masih terbuka kepada proses permuafakatan dalam kalangan waris apabila masing-masing saling suci hati dan sukarela ingin menolak bahagian tertentu daripada hak yang telah diperolehi. Penolakan ini dikenali sebagai *takharruj* iaitu waris boleh

<sup>33</sup> *Sunan Tirmidzi*, Bab al-Buyu', hadith No. 1228; Hadith ini adalah hadith sahih yang ditakhrijkan Imam Muslim

menolak bahagian pusaka mereka sama ada melalui persepakatan antara waris ataupun menjual hak pusaka mereka dengan nilai tertentu.<sup>34</sup> Hak mereka untuk menolak bahagian pusaka ini harus dilakukan sama ada penolakan tersebut melibatkan sebahagian daripada pusaka yang diperolehi ataupun keseluruhannya.<sup>35</sup> Konsep *takharruj* ini diharuskan berdasarkan kewujudan aspek kerelaan hati (*al-riḍā*) setiap pemilik harta sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi.<sup>36</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), melainkan melalui jalan perniagaan yang dilakukan dengan suka sama suka di antara kamu.”

Waris pusaka berhak menolak bahagian pusaka yang diperolehi setelah diketahui bahagian masing-masing iaitu setelah diselesaikan segala hutang pewaris dan hak-hak ke atas harta peninggalan.<sup>37</sup> Oleh itu, para waris boleh memberikan seseorang waris tertentu dalam kelompok mereka yang miskin atau sangat memerlukan untuk mewarisi harta pusaka tersebut secara bersendirian, atau memberikan waris tersebut bahagian yang paling besar ataupun memperuntukkan bahagian istimewa seperti tanah tapak rumah, tanah kebun atau dusun yang sukar dipecah lot untuk diwarisi secara bersendirian oleh waris tersebut. Termasuk dalam muafakat ini ialah untuk menyesuaikan bahagian harta sepencarian waris tersebut seperti lot tanah atau rumah. Pemberian secara muafakat dan

---

<sup>34</sup> *Ibid*

<sup>35</sup> ‘Umar ‘Abd Allāh (1966), *Aḥkām al-Mawārīth fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 324

<sup>36</sup> Surah al-Nisā’ (Q4), ayat 29

<sup>37</sup> I. Mahmud (1958), *op.cit*, h. 168

dilakukan secara kolektif oleh setiap waris akan menjadikan semangat silaturrahim antara keluarga menjadi semakin erat dan intim. Secara tidak langsung, semangat faraid dalam pembahagian harta pusaka dalam kalangan waris dapat direalisasikan sepenuhnya.

## **5.0 Kesimpulan dan Penutup**

Berdasarkan perbincangan di atas, ternyata amat penting dilakukan perancangan dan pengurusan ke atas harta yang dimiliki. Ini untuk kebaikan generasi pelapis yang mungkin tidak mampu ditangani semata-mata melalui kaedah faraid akibat kedudukan waris yang jauh dan batasan nilai wasiat. Sedangkan mereka terdiri daripada orang yang sangat perlu dibantu dan diberikan perlindungan kewangan khususnya waris yang cacat, miskin dan tidak berpendidikan tinggi serta anak-anak angkat atau keluarga jauh tetapi dalam tanggungan pemilik harta. Keperluan dakwah kepada masyarakat untuk mengambil berat dan menguruskan harta mereka dengan bijaksana dan berhemah ini penting supaya sikap prihatin anggota waris kepada ahli keluarganya akan sentiasa terjalin dan diaplikasikan. Ia bukan sahaja dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim yang sedia terjalin, malah dapat mengelak daripada terlepas pandangan dalam memastikan sesetengah waris tertentu daripada teraniaya atau tidak menerima bantuan yang sewajarnya.

Keumuman peruntukan undang-undang berhubung pelaksanaan hukum Syarak dan ketiadaan undang-undang substantif yang khusus mengenai pusaka Islam menyebabkan lahirnya beberapa agensi yang menawarkan khidmat perundingan dan perancangan pembahagian harta pusaka di Malaysia. Contohnya Amanah Raya Berhad, Bumiputra-

Commerce Trustee Berhad, Darul Hibah Consultant Sdn. Bhd., ZAR Pusaka Sdn. Bhd., Wassiyah Shoppe Sdn. Bhd., Warisan Mukmin Sdn. Bhd., Edisi Prima Sdn. Bhd., Rockwills Sdn. Bhd., as-Salihin Trustee Sdn. Bhd. dan firma-firma guaman syarie serta sivil. Galakan perancangan pusaka ini adalah berdasarkan kefleksibelan hukum *fiqh* yang menerangkan bahawa pindahmilik harta bukan semata-mata boleh berlaku secara *al-faraid* tetapi juga secara *hibah*, jualan, muafakat dan wasiat. Di samping itu, pewaris digalakkan menyediakan surat wasiat, surat wisoyah, surat faraid waris dan surat harta sepencarian bagi memudah dan mempercepatkan proses pembahagian harta selepas kematian.

Konsep dakwah dan pengurusan tambahan kepada harta milikan ini sebenarnya bukanlah menunjukkan bahawa hukum faraid tidak efisien tetapi mendedahkan bahawa syariat ini bersifat fleksibel (*murunah*) di mana mempunyai pelbagai alternatif dalam membantu usaha ke arah pindahmilik harta yang saksama dan adil kepada para waris. Dalam hal ini, hukum faraid adalah sebagai pilihan terakhir yang disediakan syarak sekiranya pewaris lalai daripada menunaikan tanggungjawab untuk melakukan pengurusan harta yang berkesan. Ia menjadi *security* atau pelan terakhir dalam memastikan pengukuhan generasi keluarga sentiasa terpelihara.

## Bibliografi

- Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Asy'āth bin Ishāq al-Azdī al-Sajastānī (1952), *Sunan Abī Dāwud*, Mesir: Maṭba'at al-Bābī al-Ḥalabī, j. 2
- 'Abd al-Rahmān Balangkḥīr (1997), *al-Hibah fī al-Madhhab wa al-Qānūn*, T.T.P.: Maṭba'ah al-Nuḥah al-Jadīdah
- Ahmad Hidayat Buang (2002), "Kedudukan Farā'id Mengikut Islam dan Perbandingannya dengan Wasiat dan Hibah", kertas kerja dalam *Seminar Hukum Hibah* anjuran Bank Bumiputra Commerce di Menara Kuala Lumpur pada tahun 2002
- Alarmic Rumsey (1994), *Mohammadan Law of Inheritance*, Lahore-Pakistan: Sang-e-meel Publications
- H. Idris Djakfar, Taufik Yahya (1995), *Kompilasi Hukum Kewarisan Islam*, Jakarta: PT Pustaka Jaya
- Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (1999), *al-Mughnī*, Sa'ūdi Arabia: Dār 'Ālim al-Kutub, j. 9
- I. Mahmud (1958), *Muslim Law of Succession*, Karachi: Pakistan Law House
- Lucy Caroll (2001), "Life Interest and Inter-Generational Transfer of Property Avoiding the Law of Succession", *Islamic Law and Society*, v. 8 2001, Leiden: Brill
- John R. Browen (1998), "You May Not Give It Away: How Social Norms Shape Islamic Law in Contemporary Indonesian Jurisprudence", *Islamic Law and Society*, No. 5 1998, Leiden: Brill
- Muḥammad al-Ḥusaynī al-Syīrāzī (1988), *al-Fiqh Mawsū'ah Istidlāliyyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Lubnān: Dār al-'Ulūm
- Timur Kuran (2002), "The Islamic Commercial Crisis: Institutional Roots of Economic Underdevelopment in the Middle East", *Center for Law, Economics and Organization Research Paper Series*, No. C01-12, 15<sup>th</sup> Sept. 2002, Los Angeles: University of Southern California Law School
- 'Umar 'Abd Allāh (1966), *Aḥkām al-Mawārīth fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif
- Wahbah al-Zuhaylī (1996), *Fiqh dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka